

D739

R B823 DEB  
MAHATHIR

1985

ALOR SETAR, 16 JUN (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MENOLAK DAKWAAN KONONNYA +SEMANGAT KEBANGSAAN TIDAK SESUAI DENGAN DASAR ISLAM+ YANG TERDAPAT DALAM KAD-KAD SELAMAT HARI RAYA YANG DISEBARKAN OLEH SEGOLONGAN UMAT ISLAM.

PERDANA MENTERI BERKATA, PANDANGAN ITU TIDAK BENAR KERANA SEMANGAT NASIONALISME YANG DIPERJUANGKAN OLEH PARA PEJUANG KEBANGSAAN NEGARA INI DAN DI SERATA DUNIA ISLAM MELINDUNGI KEPENTINGAN ISLAM.

KETIKA BERUCAP KEPADA 1,000 ORANG PENEROKA DI MAJLIS NUZUL AL-QURAN DI RANCANGAN FELDA BUKIT TANGGA, 45 KM DARI SINI SEMALAM, DATUK SERI DR. MAHATHIR BELIAU SEDIH KERANA KAD-KAD HARI RAYA SEPERTI ITU DISEBARKAN DI KALANGAN MASYARAKAT ISLAM DI NEGARA INI SEKARANG.

SEJARAH MEMBUKTIKAN BAHAWA TIUPAN SEMANGAT KEBANGSAAN OLEH PARA PEJUANG KEMERDEKAAN TANAH AIR SEBELUM INI DAPAT MEMPERTAHANKAN KEDAULATAN AGAMA ISLAM DI NEGARA INI, KATANYA.

+ MEREKA YANG MENGANGGAP SEMANGAT KEBANGSAAN BERLAWANAN DENGAN AJARAN ISLAM ADALAH SILAP,+ KATANYA.

BELIAU BERKATA, RAKYAT AFGHANISTAN SEDANG BERJUANG MENENTANG REJIM BARBRAK KARMAL YANG DIBANTU OLEH TENTERA RUSSIA MELALUI SEMANGAT KEBANGSAAN UNTUK MEMPERTAHANKAN AGAMA ISLAM. ORANG ISLAM NEGARA INI ATAU NEGARA LAIN TIDAK PERGI MEMBANTU MEREKA. -- LAGI  
1137MST 16 06 85

D740

R B824 DEB  
MAHATHIR 2 ALOR SETAR

PERDANA MENTERI JUGA MENYERU UMAT ISLAM SUPAYA MENERIMA KEMAJUAN SAINS DAN TEKNOLOGI KERANA KEDUA-DUANYA TIDAK BERLAWANAN DENGAN ISLAM, MALAH IA HARUS DIGUNAKAN UNTUK KEBAJIKAN MANUSIA DAN BUKAN UNTUK MEMUSNAHKAN MANUSIA.

BARU-BARU INI SEORANG ISLAM DARI SELATAN THAILAND TELAH MENCIPTA KOMPUTER UNTUK MEMPELAJARI AL-QURAN DENGAN CARA SISTEMATIK BAGI KEMUDAHAN ORANG ISLAM MEMAHAMINYA. KOMPUTER ITU MENGGUNAKAN TIGA BAHASA IAITU INGGERIS, MELAYU DAN THAI, KATANNYA.

KEJAYAAN ITU PATUT DISANJUNG DAN UMAT ISLAM HARUS MENGEJAR KEMAJUAN MODEN YANG BERKEMBANG SELARAS DENGAN KEMAJUAN PEMIKIRAN MANUSIA DARI MASA KE SEMASA SUPAYA TIDAK KETINGGALAN ZAMAN, TAMBAHNYA.

SAMBIL MENYERU UMAT ISLAM SUPAYA MENGEKALKAN PERPADUAN DI KALANGAN MEREKA, PERDANA MENTERI JUGA MEMINTA MEREKA MENASIHATI GOLONGAN YANG CUBA MENGHALANG PERPADUAN UMAT ISLAM.

KEPADA PARA PENDUDUK DI RANCANGAN FELDA ITU, DATUK SERI DR. MAHATHIR MENGGESA MEREKA SUPAYA MENANAM TANAMAN LAIN SELAIN GETAH DI KAWASAN KOSONG DI SITU UNTUK MENAMBAH PENDAPATAN MASING-MASING.

PERDANA MENTERI DIIRINGI OLEH ISTERINYA, DATUK SERI DATIN PADUKA DR. SITI HASMAH, MENTERI BESAR, DATUK PERDANA HAJI OSMAN AROFF, ANGGOTA EXCO NEGERI, HAJI HANAFFI RAMLI. MEREKA TELAH MENYERTAI PENDUDUK RANCANGAN ITU BERBUKA PUASA DAN SEMBAHYANG MAGHRIB DI MASJID RANCANGAN FELDA ITU. -- BERNAMA

1139MST 16 06 85